

06 NOV 1998

Ling-Y2K

SEKTOR PENGANGKUTAN SUDAH BERSEDIA TANGANI MASALAH Y2K

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Agensi-agensi penting pengangkutan telah mengambil langkah menangani masalah pepijat alaf atau yang dikenali sebagai Y2K menjelang Jun tahun depan, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Katanya, KLIA Berhad, syarikat yang menguruskan Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dan Penerbangan Malaysia (MAS) telah memberi jaminan kepada beliau bahawa mereka telah mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah itu.

Syarikat yang terbabit dalam pengangkutan maritim dan darat juga telah memberikan jaminan serupa, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum dan Ekspo Penyelesaian Y2K bagi sektor pengangkutan di sini.

Ling berkata kerajaan telah memperuntukkan RM45.2 juta bagi mengatasi masalah Y2K bagi sektor pengangkutan yang dianggarkan berharga sekitar RM54.1 juta.

Masalah Y2K merujuk kepada keadaan komputer yang menyebabkan sistem rosak atau terhapus pada hari pertama alaf baru apabila komputer tidak dapat membaca digit "00" bagi tahun 2000 kerana nombor itu juga mewakili tahun 1900 dalam sistem dua digit.

Jumlah yang diperuntukkan oleh kerajaan itu mencukupi bagi menangani masalah itu manakala bakinya RM8.9 juta akan dibiayai oleh sektor swasta.

Ling berkata kemajuan dalam industri pengangkutan telah menyebabkan pergantungan kepada komputer dan sehubungan itu ia lebih terdedah kepada ancaman Y2K.

"Kapal terbang hari ini, contohnya, direka bentuk dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi tetapi malangnya kebanyakan sistem yang menyediakan fungsi keselamatan itu adalah sistem yang mudah diserang oleh Y2K," katanya.

Jawatankuasa pemandu Kementerian Pengangkutan bertanggung jawab menyelia perkembangan mematuhi keperluan Y2K oleh agensi di bawah kementerian dan syarikat yang terbabit dalam sektor pengangkutan.

Pameran dan forum empat hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa dan ditutup oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie hari ini.

-- BERNAMA

HJ RHM MAI